



**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**

**13 APRIL 2021**

**MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT  
(PKPB) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN  
(PKPP)**

**Task Force Operasi Pematuhan**

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 61,080 pemeriksaan semalam, bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Seramai 3,543 Pasukan Pematuhan melibatkan 15,114 anggota telah membuat pemantauan di 4,561 pasaraya, restoran (5,422), kilang (2,284), bank (4,003), pejabat kerajaan (1,009) dan penjaja (2,647).

Turut dipantau ialah pasar awam/tani (1,644), tempat ibadah (3,271), tempat riadah (1,783), terminal pengangkutan darat (1,749), terminal pengangkutan air (400) dan terminal pengangkutan udara (138).

Semalam, 73 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP dan daripada jumlah itu, 64 dikompaun manakala sembilan (9) lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tidak memakai pelitup muka (21)
- Gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (14)
- Aktiviti pusat hiburan (13)
- Tiada penjarakan fizikal (6)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran (4)
- Lain-lain (15)

### **Kawalan Sempadan Negara**

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap lima (5) orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas tiga (3) buah kenderaan darat.

Sebanyak 160 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui enam (6) aktiviti penglihatan. Seramai 20 orang PATI juga diusir melalui empat (4) aktiviti pengusiran.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 256 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 197 SJR
Op BENTENG PDRM	- 50 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

## **Operasi Sanitasi Awam**

Semalam, sebanyak 64 operasi sanitasi dilakukan meliputi 23 zon merah, zon jingga (1), zon kuning (11) dan zon hijau (3) di seluruh negara.

Operasi sanitasi ini melibatkan 362 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 180 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 60 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 20,872 operasi sanitasi yang merangkumi 154 zon telah dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasar raya dan bangunan kerajaan.

## **Kuarantin Wajib**

Semalam, seramai 694 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 172,587 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 77 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,133 individu telah dikuarantin dan 163,085 orang dibenarkan pulang manakala 1,369 lagi dibawa ke hospital.

## **Barang Keperluan Asas**

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 719 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (526), pemborong (162) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,485 pemeriksaan khas dan mendapati semua premis mematuhi SOP.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Pusat Jagaan Rohaniah, Sekolah Integrasi Ikhwan, Kampung Gong Kulim, Mukim Semerak, Pasir Puteh, Kelantan pada 11 April 2021 seperti yang dijadualkan.

## **Penamatan PKPD Kilang YTY dan Asrama Pekerja, Lekir, Setiawan, Perak**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kilang YTY dan Asrama Pekerja, Lekir, Setiawan, Perak yang dijadualkan tamat pada 15 April 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 1,248 ujian saringan dan daripada jumlah itu, secara kumulatif sebanyak 647 kes positif COVID-19 telah direkodkan.

KKM mengesahkan tiada lagi kes baharu dilaporkan sejak 6 April 2021 dan kesemua kontak rapat akan tamat HSO pada 15 April 2021.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kilang YTY dan Asrama Pekerja, Lekir, Setiawan, Perak pada 15 April 2021 seperti yang dijadualkan.

### **Penamatan PKPD Kampung Rimbayan, Keningau, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Rimbayan, Keningau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 15 April 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 304 ujian saringan dan daripada jumlah itu secara kumulatif sebanyak 43 kes positif COVID-19 telah direkodkan.

KKM mengesahkan baki kes aktif di lokaliti ini menunjukkan trend penurunan serta kesemua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung Rimbayan, Keningau, Sabah pada 15 April 2021 seperti yang dijadualkan.

### **Pelanjutan PKPD Kampung Runggu Batu 10, Mukim Balung, Tawau, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Runggu Batu 10, Mukim Balung, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat esok, 14 April 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan (KKM) telah melaksanakan 265 ujian saringan dan daripada jumlah itu, secara kumulatif sebanyak 66 kes positif COVID-19 telah direkodkan.

KKM mengesahkan terdapat 122 baki sampel saringan yang sedang menunggu keputusan dan penularan jangkitan COVID-19 masih berlaku di lokaliti ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan PKPD di Kampung Runggu Batu 10, Mukim Balung, Tawau, Sabah bermula 15 April sehingga 28 April 2021.

### **Pelanjutan PKPD Fasa 2 Taman Semarak, Mukim Balung, Tawau, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Fasa 2 Taman Semarak, Mukim Balung, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 14 April 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan (KKM) telah melaksanakan 160 ujian saringan dan daripada jumlah itu, secara kumulatif sebanyak lapan (8) kes positif COVID-19 telah direkodkan.

KKM mengesahkan terdapat 99 baki sampel saringan sedang menunggu keputusan dan masih berlaku penularan berterusan dalam kalangan penduduk taman di kawasan PKPD.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan PKPD di Fasa 2 Taman Semarak, Mukim Balung, Tawau, Sabah bermula 15 sehingga 28 April 2021.

### **Pelanjutan PKPD Kampung Baru Pasir Putih, Mukim Sri Tanjung, Tawau, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Baru Pasir Putih, Mukim Sri Tanjung, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 14 April 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 847 ujian saringan dan daripada jumlah itu secara kumulatif sebanyak 68 kes positif COVID-19 telah direkodkan.

KKM mengesahkan terdapat 441 baki sampel saringan yang sedang menunggu keputusan dan masih berlaku penularan berterusan dalam kalangan penduduk kampung di kawasan PKPD.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan PKPD di Kampung Baru Pasir Putih, Mukim Sri Tanjung, Tawau, Sabah berkuatkuasa 15 April sehingga 28 April 2021.

## **Pelanjutan PKPD Kampung Simpang 3A, Merotai Besar, Tawau, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Simpang 3A, Merotai Besar, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 15 April 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 745 ujian saringan dan daripada jumlah itu secara kumulatif sebanyak 28 kes positif COVID-19 telah direkodkan.

KKM mengesahkan terdapat 696 baki sampel saringan yang sedang menunggu keputusan dan masih berlaku penularan berterusan dalam kalangan penduduk kampung di kawasan PKPD.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan PKPD di Kampung Simpang 3A, Merotai Besar, Tawau, Sabah bermula 16 sehingga 29 April 2021.



## **PKPD di Pasar Sim-Sim & perumahan Sim-Sim, Mukim Berhala serta Kampung Sungai Obar, Batu 7, Mukim Sentosa, daerah Sandakan**

Kementerian Kesihatan (KKM) hari ini melaporkan situasi kes COVID-19 di dua lokaliti iaitu Flat Sim-Sim, Mukim Berhala dan Kampung Sungai Obar, Batu 7, Mukim Sentosa, dalam daerah Sandakan.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 38 ujian saringan di kawasan perumahan Sim-Sim dan daripada jumlah itu, secara kumulatifnya sebanyak 17 kes positif COVID-19 direkodkan.

Sebanyak 46 ujian saringan juga dilakukan di Kampung Sungai Obar, Batu 7, Mukim Sentosa, dan 10 kes positif telah direkodkan.

KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes di lokaliti ini dengan kadar kebolehjangkitan adalah tinggi.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Flat Sim-Sim, Mukim Berhala dan Kampung Sungai Obar, Batu 7, Mukim Sentosa, daerah Sandakan berkuat kuasa 14 April sehingga 27 April 2021.

Pelaksanaan PKPD ini adalah untuk memudahkan KKM mengesan kontak rapat serta mengelak berlaku penularan COVID-19 dalam komuniti.

## **PKPD Taman Villa Mas, Tawau, Sabah**

Kementerian Kesihatan (KKM) hari ini melaporkan situasi kes COVID-19 di Taman Villa Mas, Tawau, Sabah.

Setakat ini, KKM telah melakukan 42 ujian saringan dan daripada jumlah itu, secara kumulatifnya sebanyak tujuh (7) kes positif COVID-19 direkodkan.

KKM juga mengesahkan berlaku peningkatan kes secara mendadak dalam tempoh seminggu serta masih terdapat 35 ujian saringan masih menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Villa Mas, Tawau, Sabah berkuat kuasa 14 April sehingga 27 April 2021.

Pelaksanaan PKPD adalah untuk memudahkan KKM membuat pengesanan kontak rapat sekali gus mengelak penularan kes ke lokaliti luar.

### **PKPD di Kampung Melangkap Tomis, Kota Belud, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini juga telah melaporkan berkenaan peningkatan kes positif COVID-19 secara mendadak di Kampung Melangkap Tomis, Kota Belud, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan sebanyak 31 ujian saringan di lokaliti ini, dan daripada jumlah itu empat (4) orang daripadanya didapati positif COVID-19.

Atas nasihat dan penilaian risiko oleh KKM, Kerajaan hari ini bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Melangkap Tomis, Kota Belud, Sabah bermula 14 April sehingga 27 April 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas semua penduduk bagi memastikan tiada jangkitan dalam komuniti luar.

### **PKPD di 4 perkampungan di Daerah Temerloh, Pahang**

KKM hari ini melaporkan peningkatan kes positif COVID-19 di empat (4) perkampungan di daerah Temerloh, Pahang yang melibatkan:

- Kampung Paya Pulai Tengah
- Kampung Pulau Terap
- Paya Pulai-Kampung Batu 4
- Paya Pulai-Kampung Batu 5, Jalan Maran

Secara kumulatif sebanyak 16 kes positif COVID-19 telah direkodkan hasil daripada 234 ujian saringan yang telah dilaksanakan.

KKM mengesahkan telah berlaku penularan jangkitan COVID-19 di lokaliti tersebut dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di empat (4) perkampungan di Daerah Temerloh, Pahang bermula dari 14 April hingga 27 April 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan pergerakan penduduk di lokaliti ini dapat dikawal bagi mengelakkan penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti luar.

**YB DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**